

# Projek Sungai Nadi Kehidupan siap 56 peratus

**KUALA LUMPUR**  
- Projek Sungai Nadi Kehidupan atau River Of Life (ROL) yang merupakan sebahagian daripada Projek Greater Kuala Lumpur kini mencatatkan kemajuan sebanyak 56 peratus sejak dimulakan pada 2011.



sambut pada 22 Mac setiap tahun bermula tahun 1993 setelah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meluluskan usul berikutan cadangan yang dikemukakan dalam Persidangan PBB Berkenaan Alam Sekitar (UNCED) pada 1992.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar **PALANIVEL**

Datuk Seri G. Palanivel berkata projek bertujuan mengubah wajah Sungai Gombak dan Sungai Klang itu berada pada landasan yang tepat dan akan memberi impak positif kepada negara serta rakyat secara amnya.

"ROL sekarang 56 peratus pencapaiannya dan berada pada landasan yang betul. Jadi kita akan lengkapkan proses ini.

"Projek ini melibatkan 26 agensi kerajaan, sektor swasta dan perunding. Kita harap ianya bergerak lancar hingga ia siap pada 2020," katanya pada sidang media selepas merasmikan sambutan Hari Air Sedunia 2015 peringkat kebangsaan di sini, semalam.

Sambutan Hari Air Sedunia di-

Tema sambutan pada tahun ini

Air dan Pembangunan Mapan' bertepatan dengan arus pembangunan Malaysia dengan lebih 70 peratus kawasan perbandaran dengan pembangunan pesat.

Tambah Palanivel, Projek Sungai Nadi Kehidupan memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan tanah.

"Sehingga kini kita telah pasang 500 perangkap sampah di beberapa anak sungai, parit serta longkang, bina lapan loji rawatan air sungai manakala lima loji rawatan air pula telah dibina di beberapa pasar basah antaranya di Pasar Basah Air Panas, Pasar Borong Kuala Lumpur dan Pasar Jalan Klang Lama," katanya. - Bernama